

# Melayu perlu banyak platform ubah paradigma

UM 13 OCT 2001

KUALA LUMPUR 12 Okt. — Orang Melayu memerlukan lebih banyak platform untuk mengubah paradigma iaitu sesuatu yang secara psikologi menjadi pendorong moral kepada mereka.

Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sekretariat Melayu Antarabangsa, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, lebih penting lagi, setiap orang Melayu perlu menjadikan diri sebagai satu alat ejen perubahan kepada seluruh bangsa Melayu.

Wawasan 2020, katanya, adalah satu eksperimen suntikan perubahan yang cuba dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi menjadikan bangsa dan negara ini maju.

“Tetapi apa yang lebih penting saya kira iaitu orang Melayu mesti sentiasa dididik dan diajak berfikir serta sedar apa yang akan berlaku 20 tahun lalu.

“Mereka mesti sentiasa berpandangan jauh. Cara mereka berfikir dan bekerja juga mesti sentiasa menjangkau ke beberapa generasi, bukannya terbelenggu dengan konsep ‘kais pagi makan pagi’ - satu nilai yang wujud pada bangsa yang tidak berdaya saing,” ujarnya.

Muhammad berkata demikian semasa merasmikan Persidangan Dunia Melayu bertemakan Melayu dan Ertinya kemelayuan di sini, hari ini.

Beliau berkata, usaha menjadikan bangsa Melayu pemimpin kepada bidang-bidang yang dimiliki perlu dimukakan dari sekarang.

“Kita juga mesti memperkukuhkan jati diri untuk memastikan Melayu tidak boleh dilemahkan oleh unsur negatif dari luar atau dalam, iaitu sama ada persoalan bersifat tempatan, mahupun hambatan masalah antarabangsa,” katanya.

Muhammad berkata, orang Melayu mesti memiliki cita-cita untuk menjadi satu kuasa yang penuh bertanggungjawab dan lebih baik daripada kuasa besar yang ada sekarang yang memungkinkan kemampuan mencorakkan paten sosial dan politik yang lebih adil dan sejahtera.